

17/06/1998

PM tegur bank (HL)

Wan Sabariah Shikh Ali; Ahmad Ghazali Musa  
CYBERJAYA, Selasa - Sektor perbankan yang tidak yakin dengan kemampuan ekonomi negara perlu menghentikan operasi mereka di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menyatakan rasa kurang senang dengan tindakan sesetengah bank menaikkan bon cagaran sehingga 100 peratus, Perdana Menteri berkata beliau tidak faham kenapa bank bertindak demikian.

"Saya tidak faham kenapa... jika mereka tidak yakin dengan ekonomi negara, lebih baik mereka tutup bank mereka," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak pembinaan Universiti Multimedia di sini, hari ini.

Bon cagaran adalah bentuk jaminan, sama ada dikeluarkan oleh syarikat insurans atau surat kemudahan kredit diterbitkan bank yang memberi jaminan untuk membayar kepada pihak ketiga jika pelanggannya gagal memenuhi kontrak pembelian atau pembuatan.

Sebelum ini, bank-bank tempatan dikatakan hanya mengenakan bon cagaran sebanyak 10 peratus daripada nilai projek mereka yang memerlukan pembiayaan.

Jika projek itu mengalami masalah atau berlaku kemungkiran, pihak yang memberikan kontrak boleh menebus bon itu kepada nilai kontrak itu menurut syarat yang ditetapkan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sudah menjelaskan pendiriannya berhubung langkah bank menaikkan nilai cagaran itu.

"Mereka bersetuju dengan saranan kerajaan dan mahu mengambil langkah perlu untuk menurunkan nilai bon cagaran. Tetapi apabila tiba di peringkat bawah, orang ramai mengadu mengenai kesulitan mendapatkan kerjasama bank," tegasnya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, perkara itu masih belum sampai ke tahap serius. Namun, jika sektor perbankan tidak menurunkan nilai cagaran, perkara itu akan bertambah serius.

"Terlalu banyak masalah yang berlaku di sektor perbankan. Mereka tidak memberi pinjaman, mereka simpan wang dan banyak perkara yang mereka lakukan mengancam ekonomi negara.

"Dan jika ekonomi terancam, bank juga yang akan merasainya. Saya akan memberitahu Menteri Kewangan perkara ini," katanya sambil menegaskan kenyataan beliau itu bukan ditujukan khas kepada projek di Koridor Raya Multimedia (MSC) tetapi secara umum.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan tidak meminta bank mengenakan syarat yang ketat seperti itu, bank lebih mengutamakan kepentingan mereka daripada menyokong perniagaan.

"Bank-bank mengetatkan cengkaman sehinggakan orang ramai tidak boleh berniaga ... terlalu banyak syarat dikenakan oleh bank terhadap orang ramai sehingga menjejaskan ekonomi.

"Satu hari nanti, apabila bank tidak mempunyai urusan niaga, mereka akan meraung minta bantuan daripada kerajaan," katanya.

Mengenai kemajuan projek pembangunan MSC, Dr Mahathir berpuas hati dengan perjalanan projek itu, yang mendahului setahun lebih awal daripada jadual.

"Walaupun MSC sedikit terjejas berikutan kegawatan ekonomi, kita berupaya mengatasinya," katanya.

(END)